KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PROGRAM PERUBATAN/ BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN/
MAJLIS OPTIK MALAYSIA

GARIS PANDUAN

PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM CPD DALAM SISTEM MYCPD2

TARIKH KUAT KUASA GARIS PANDUAN

7 OKTOBER 2020

1. **NAMA INSTRUMEN PERATURAN**
   Garis Panduan Permohonan Penganjuran Program CPD Dalam Sistem myCPD2.

2. **NAMA AGENSI PENGAWAL SELIA INSTRUMEN PERATURAN**
   Majlis Optik Malaysia

3. **PUNCA KUASA**
   Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bil.4/2007

4. **OBJEKTIF PERLESENAN**

   i. Untuk memberi panduan menganjurkan program CPD kepada pihak yang berkelayakan.
   ii. Supaya pengamal dapat menghadiri program CPD yang telah disahkan oleh MOC dan dapat membuat tuntutan mata CPD dalam sistem myCPD2.
   iii. Untuk memastikan pengamal optometri mengikuti latihan yang terancang dan sistematik.

5. **KETERANGAN**

   Permohonan penganjuran program CPD untuk profesion optometris dan juruoptik adalah melibatkan program di bawah kategori A1, A2 dan A3 sahaja. Program selain kategori ini tidak diwajibkan untuk mendapatkan pengesahan kelulusan dari MOC.

   Mana-mana pihak boleh menjadi *provider* kecuali syarikat pengeluar produk atau peralatan kesihatan. Pihak yang layak menjadi *provider* mestilah mempunyai kriteria yang berikut:

   1. Tidak menjadikan aktiviti CPD sebagai platform pengiklanan produk.
   2. Mampu menyediakan individu yang berkelayakan dari segi akademik sebagai pelatih/penceramah/pengendali aktiviti untuk profesion optometri dan maklumat berkenaan individu tersebut mampu dibekalkan apabila diminta.
   3. Mempunyai sumber (kepakaran dan kemudahan) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti CPD.
   4. Bertanggungjawab dalam merancang dan mampu melaksanakan aktiviti yang dirancang.
   5. Mampu membekalkan cara untuk mengesahkan peserta-peserta yang telah berjaya menghadiri aktiviti tersebut (contohnya pemberian sijil penyertaan,senarai kehadiran dan lain-lain).
   6. Mempunyai cara untuk menilai program yang dijalankan dan mampu untuk membekalkan maklumat-maklumat berikut apabila diperlukan.

a) jadual aktiviti tahunan yang dirancang
b) hubungkait antara kandungan aktiviti dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran untuk mencapai objektif program.
c) pencapaian peserta dalam aktiviti yang dijalankan
d) maklumat penceramah/fasilitator yang terlibat dalam menjalankan aktiviti CPD
e) kaedah dan kemudahan pembelajaran yang disediakan

MOC tidak akan mengiktiraf program CPD (A1, A2, A3) yang dijalankan tanpa memohon penetapan mata CPD terlebih dahulu. Sekiranya program CPD (A1, A2, A3) dijalankan tanpa memohon penetapan mata CPD, peserta,penceramah dan fasilitator tidak boleh menuntut mata CPD daripada MOC.

6. SASARAN PENGGUNA/PEMOHON INSTRUMEN PERATURAN

Garis panduan ini disasarkan kepada pihak yang ingin menganjurkan program CPD bagi profesion optometris dan juruoptik.

7. BILA PERLU DIPOHON

Provider hendaklah membuat permohonan mata CPD dalam sistem mycpd sekurang-kurangnya sebulan sebelum aktiviti dijalankan. Permohonan yang kurang sebulan dari tarikh aktiviti tidak akan disahkan.

8. KAEDAH PERMOHONAN - AKSES (ATAS TALIAN / MANUAL)

Atas talian	www.mycpd2.moh.gov.my

9. PIAGAM PELANGGAN (TEMPOH PEMPROSESAN DALAM Hari/Jam/Minit)

Tiada.

10. SYARAT-SYARAT SEBELUM/SELEPAS PERMOHONAN

Sebelum membuat permohonan, mana-mana pihak yang ingin menganjurkan program CPD hendaklah berdaftar sebagai *provider* dalam sistem mycpd2.

11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN

11.1 LAMPIRAN A - *STEPS TO REGISTER AS PROVIDER AND TO CREATE EVENT/PROGRAM*

11.2 LAMPIRAN B – *STEPS TO UPLOAD ATTENDANCE*

12. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1	Tentatif program dalam format *word*
2	*Event url/ google drive link / website address*
3	Senarai kehadiran peserta dalam format *excel* yang ditetapkan

13. SENARAI PEMBAYARAN

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Tiada		

14. KEPUTUSAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

Output	Logbook dan CPD point di www.mycpd2.moh.gov.my
Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon	Secara dalam talian di www.mycpd2.moh.gov.my

15. RUJUKAN YANG BERKAITAN

- Buku Panduan *Continuing Professional Development* (CPD) KKM
- USER MANUAL myCPD 2.0 System Module: PROVIDER Document No.: myCPD/User Manual/M1/1 Version 1.0
- Garis Panduan Sistem myCPD V2.0 Majlis Optik Malaysia 2018